



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN DAN PENCEN TURUNAN
BAGI BULAN OGOS 2021**

Tarikh: 19hb., Ogos 2021

1. Berikutan dengan meningkatnya penularan jangkitan COVID-19 sejak ianya dimaklumkan semasa Sidang Media Kementerian Kesihatan pada 7hb., Ogos, 2021 serta sebagai langkah pengawalan sebagaimana yang diperketatkan semula di Negara Brunei Darussalam khususnya kawalan terhadap perkumpulan beramai-ramai, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan akan diadakan secara **pandu lalu** bagi bulan Ogos 2021 pada **hari Khamis, 26hb., Ogos 2021 dan Sabtu, 28hb., Ogos 2021** bermula pada jam **7.30 pagi hingga 2.00 petang** di tempat-tempat berikut (kecuali Daerah Temburong):
 - 1.1 Bagi Daerah Brunei Muara, pembayaran akan dibuat di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa;
 - 1.2 Bagi Daerah Tutong, pembayaran akan dibuat di Dewan Kompleks Sukan Tutong; dan
 - 1.3 Bagi Daerah Belait, pembayaran akan dibuat di kawasan penurunan pejabat (*car porch*) cawangan Jabatan Perbendaharaan iaitu di Bangunan Baru Pejabat-Pejabat Kerajaan.
2. Manakala bagi Daerah Temburong, pembayaran pencen akan dibuat di **kaunter**, Pejabat Jabatan Perbendaharaan secara temujanji.
3. Bagi langkah-langkah pengawalan dan keselamatan kesemua pihak, pembayaran pencen pada hari-hari berikutnya di kaunter-kaunter pembayaran di cawangan-cawangan akan ditiadakan dan akan dilaksanakan secara temujanji.
4. Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang akan membantu dalam menyusun barisan kenderaan serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk tidak datang secara berkumpulan, keluar dari kereta dan berkumpul di kawasan pembayaran



menunggu giliran masing-masing dan seterusnya untuk bersurai setelah urusan selesai.

5. Jika ada sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi talian-talian yang telah disediakan seperti berikut:

Daerah Brunei Muara – 2380822 / 2383469,
Daerah Belait - 3331597 / 3335579,
Daerah Tutong - 4221296 dan
Daerah Temburong - 5221532.

Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi